

Kesediaan Pelajar Mempelajari Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Kuantan

Abdul Rahim Bin Hamdan & Nurul Aidayanti Binti Mohd Said

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap kesediaan pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Kuantan. Kajian ini melibatkan 86 orang responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat bagi sesi 2007 bagi aliran Kejuruteraan Awam. Instrumen yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah soal selidik. Tumpuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesediaan pelajar dari aspek minat, kemahiran bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada serta perbezaan aspek-aspek ini dari segi jantina. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages For Social Science (SPSS) versi 15.0 untuk mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Nilai kebolehpercayaan ialah 0.906. Dapatan kajian mendapati tahap kesediaan pelajar berada pada tahap sederhana bagi aspek minat, kemahiran bahasa Inggeris serta pengetahuan sedia ada pelajar. Dapatan kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan tahap minat dan kemahiran bahasa Inggeris antara pelajar lelaki dan perempuan. Sebaliknya, penyelidik mendapati terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap tahap pengetahuan sedia ada mereka dalam mempelajari mata pelajaran ini. Hasil kajian memerlukan guru serta pihak kementerian pelajaran merangka suatu kurikulum pendidikan teknikal yang sesuai selaras dengan tahap kemampuan pelajar. Kajian yang berterusan terhadap penyelidikan ini diharap dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi menjamin kualiti pendidikan negara.

Katakunci : kesediaan pelajar, mata pelajaran pengajian keruteraan awam

Pengenalan

Pendidikan di Malaysia telah berkembang dengan pesatnya dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini. Dasar pendidikan negara menjadikan sasaran pendidikan bertaraf dunia dan secara tidak langsung meletakkan proses pendidikan sebagai satu bidang yang penting dalam kehidupan seharian khususnya di sekolah-sekolah yang berfungsi sebagai pusat perkembangan ilmu. Pengiktirafan yang diberikan terhadap bidang pendidikan membawa satu implikasi dan impak yang serius terhadap profesion perguruan yang merupakan agen dalam penyampaian ilmu. Menurut Mahathir Mohamad dalam (Som Hj.Nor,1998), Malaysia mempunyai sistem pendidikan yang terbaik di kalangan dunia ketiga maka kejayaan yang perlu dicapai mempunyai kaitan dengan cabaran keenam Wawasan 2020, iaitu mewujudkan masyarakat yang saintifik dan progresif, masyarakat yang inovatif dan memandang jauh ke hadapan.

Ini membolehkan pembentukan kurikulum baru yang lebih berteraskan kepada kehendak industri, dan secara tidak langsung memberi pendedahan kepada pelajar tentang dunia pekerjaan yang sebenar dan juga kepada teknologi semasa. Adalah tidak wajar sekiranya kurikulum yang ditawarkan di sekolah menengah teknik tidak mengikut permintaan pasaran industri. Hal ini boleh menyebabkan pelajar lepasan pendidikan teknikal tidak memenuhi keperluan industri, sekaligus menyekat peluang pelajar untuk menempatkan diri dalam bidang tersebut. Hal ini berikutan kegagalan pelajar untuk mengaplikasikan apa yang dipelajari dengan keperluan pekerjaan.

Pengajian Kejuruteraan Awam merupakan salah satu mata pelajaran yang wajib diambil bagi pelajar yang memilih aliran Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik. Matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam adalah satu mata pelajaran elektif baru dalam senarai mata pelajaran Sekolah Menengah Atas dalam program Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) untuk pelajar Tingkatan 4 dan 5. Pelajar di peringkat Sekolah Menengah Rendah telah didedahkan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup yang sedikit sebanyak memberi ilmu dan gambaran dalam bidang kejuruteraan. Selaras dengan matlamat KBSM, mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam bertujuan untuk memberikan pengetahuan asas mengenai bidang Kejuruteraan Awam serta cabangnya dan mendedahkan pelajar kepada faktor yang mempengaruhi pembangunan serta kesannya terhadap kehidupan seharian.

Oleh yang demikian, dengan ada mata pelajaran ini diharap pelajar dapat menggunakan ilmu yang diperolehi dengan sebaiknya, terutamanya bagi pelajar yang benar-benar meminati bidang Kejuruteraan Awam dan bercita-cita untuk terlibat dalam bidang ini setelah bekerja kelak.

Penyataan Masalah

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji sejauh mana kesediaan pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Kuantan daripada segi minat, kemahiran Bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada pelajar.

Kesediaan seseorang pelajar itu untuk mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam adalah penting sebagai persiapan awal untuk menghadapi proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Pengajaran yang berkesan terhasil sekiranya pelajar benar-benar bersedia untuk belajar. Pelajar yang tidak menyiapkan diri terlebih dahulu sebelum seisi pembelajaran dijalankan akan berhadapan dengan kesukaran untuk memahami serta mempelajari isi pelajaran yang akan diajar kelak. Keadaan ini boleh memberi impak negatif terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ini pada masa akan datang. Hal ini juga turut boleh mengganggu tumpuan serta minat pelajar untuk terus mengikuti kelas Pengajian Kejuruteraan Awam setelah gagal untuk mencapai pencapaian yang cemerlang. Oleh yang demikian, pelajar perlu menyiapkan diri bagi mempelajari mata pelajaran ini untuk kemudahan pelajar itu sendiri.

Oleh yang demikian, penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji sejauh mana kesediaan pelajar dari segi minat, kemahiran bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Kuantan.

Objektif Kajian

Objektif penyelidikan ini dilaksanakan adalah untuk :

- i. Menenalpasti tahap minat pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Kuantan
- ii. Menenalpasti tahap kemahiran Bahasa Inggeris pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Kuantan
- iii. Menenalpasti tahap pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Kuantan
- iv. Menenalpasti adakah terdapat perbezaan tahap minat antara pelajar lelaki dan perempuan dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Kuantan

- v. Mengenalpasti adakah terdapat perbezaan tahap kemahiran Bahasa Inggeris antara pelajar lelaki dan perempuan dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Kuantan
- vi. Mengenalpasti adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan sedia ada antara pelajar lelaki dan perempuan dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Kuantan

Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kesediaan pelajar di Sekolah Menengah Teknik Kuantan dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Penyelidikan ini penting sebagai panduan dan rujukan, bukan sahaja untuk pelajar tetapi guru-guru dalam mengenalpasti kesediaan pelajar untuk mempelajari mata pelajaran ini. Penyelidikan ini juga turut boleh dijadikan sumber rujukan bagi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam menggubal kurikulum mata pelajaran PKA ini selaras dengan tahap kesediaan pelajar. Di samping itu, penyelidikan ini juga penting sebagai panduan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk menyusun dan mengatur program yang boleh dilaksanakan untuk membantu guru dalam merancang strategi pembelajaran yang lebih berkesan.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif di mana penyelidik telah meninjau tahap kesediaan pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Menurut Mohd Najib (2003), tinjauan hanya dilaksanakan dengan objektif yang jelas, seperti mendapatkan pola tentang sesuatu fenomena secara meluas. Keputusan yang diperolehi mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang agak tinggi kerana pola perlakuan masyarakat sukar berubah dengan mendadak.

Kaedah soal selidik digunakan untuk memperolehi data daripada responden. Satu set item soal selidik akan diedarkan kepada responden untuk dijawab. Penyelidik akan berjumpa sendiri dengan responden untuk memberi penerangan tentang tujuan kajian ini dilaksanakan dan memberi tempoh masa kepada responden untuk menjawab soalan dalam set borang selidik tersebut.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada semua pelajar tingkatan empat sesi 2007 aliran Kejuruteraan Awam di dua buah Sekolah Menengah Teknik di daerah Kuantan, iaitu Sekolah Menengah Teknik Kuantan dan Sekolah Menengah Teknik Seri Pelindung. Seterusnya, sampel kajian diambil daripada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik Kuantan bagi mewakili jumlah populasi tersebut. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan.

Dalam persampelan purposif atau persampelan bertujuan, penyelidik tidak semestinya mempunyai kouta yang perlu dipenuhi daripada strata-strata tertentu, seperti dalam persampelan kouta (Azizi et al. 2007). Melalui penyelidikan ini, sampel kajian melibatkan semua pelajar tingkatan empat aliran Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Kuantan, iaitu seramai 94 orang. Mereka ini terdiri daripada 39 orang pelajar lelaki dan 55 orang pelajar perempuan.

Namun begitu, pada hari penyelidikan dilaksanakan seramai 86 responden sahaja yang terlibat. Mereka terdiri daripada 33 orang pelajar lelaki dan 53 orang pelajar perempuan. Hal ini berikutan terdapatnya sebilangan pelajar yang tidak hadir ke sekolah serta sebilangan lagi terlibat dengan acara sukan yang dianjurkan di sekolah tersebut pada hari berkenaan.

Daripada 86 set soal selidik yang dijawab oleh responden, sebanyak 83 set soal selidik yang dianalisis. Hal ini berikutan terdapatnya tiga set soal selidik yang rosak, di mana terdapat soalan yang tidak dijawab oleh responden. Oleh yang demikian, 3 set soal selidik tidak dapat digunakan untuk tujuan analisis.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah soal selidik. Menurut Mohamad Najib (1997), soal selidik merupakan satu alat ukur dalam kajian untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Penggunaan soal selidik lebih mudah untuk mendapat kerjasama responden. Mereka bebas memilih dan menyatakan pendapat, menilai, mengikut kehendak soal selidik dan tahu apa yang difikirkan untuk menjawab.

Oleh sebab itu, penyelidik memilih instrumen jenis ini kerana kaedah ini merupakan satu kaedah yang ringkas dan mudah untuk mendapatkan kerjasama responden. Datanya lebih tepat, menjimatkan masa, perbelanjaan dan tenaga penyelidik. Pengkaji menggunakan set soal selidik sebagai kajian yang dikemukakan kepada pelajar di Sekolah Menengah Teknik Kuantan yang terlibat dalam kajian ini. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat secara terus berhubung dengan persoalan kajian.

Alat yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Satu set borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah maklumat berkaitan latar belakang responden dan bahagian B mengandungi 38 soalan berkaitan kesediaan pelajar tingkatan empat dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Pembinaan instrumen ini adalah berdasarkan instrumen yang telah diubahsuai dari instrumen yang digunakan dalam kajian lepas oleh penyelidik lain serta pengesahan dari penyelia hasil daripada perbincangan yang dijalankan.

Jadual 1 di bawah menunjukkan bilangan soalan dan taburannya yang terdapat di dalam bahagian B borang set soal selidik. Penyelidik menggunakan skala Likert lima aras untuk pilihan jawapan bagi setiap soalan. Menurut Mohd Najib (1999), soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan skala kadar. Soalan skala kadar menggunakan kaedah Likert di mana responden memilih jawapan daripada satu kontinum (ekstrem ke ekstrem).

Jadual 1 : Taburan Soalan Mengikut Persoalan Kajian

Persoalan Kajian	Nombor Soalan	Bil Soalan
1. Apakah tahap minat pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Kuantan	1,4,7,10,13, 16,19,22,25, 28,31,34,37	13
2. Apakah tahap kemahiran bahasa Inggeris pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Kuantan	2,5,8,11,14, 17,20,23,26, 29,32,35,38	13
3. Apakah tahap pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Kuantan	3,6,9,12,15, 18,21,24,27, 30,33,36	12

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, terdapat 38 item bagi set soal selidik ini. Namun begitu, setelah menjalankan kajian rintis penyelidik telah memansuhkan 2 item atas nasihat dan perbincangan bersama dengan pensyarah pembimbing. Ini menjadikan bilangan item bagi set soal selidik untuk kajian sebenar sebanyak 36 item.

Jadual 2 : Perlaksanaan Kaedah Skala Likert

Skala Likert 5 Pemeringkatan	Skor	Skala Likert 3 Pemeringkatan
Sangat Setuju	5	Setuju
Setuju	4	
Tidak Pasti	3	Tidak Pasti
Tidak Setuju	2	Tidak Setuju
Sangat Tidak Setuju	1	

(Sumber : Mohd Najib ,1999)

Jadual 2 di atas menunjukkan perlaksanaan kaedah Skala Likert pemeringkatan 5 markah skor kepada tiga markah skor. Berdasarkan kepada jadual ini, pilihan jawapan Sangat Setuju (SS) dan Setuju (S) dikelaskan kepada Setuju (S). Bagi pilihan jawapan Tidak Pasti (TP) dikelaskan kepada Tidak Pasti (TP), manakala pilihan jawapan Tidak setuju (TS) dan Sangat Tidak Setuju (STS) dikelaskan kepada Tidak Setuju (TS).

Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan sebelum kajian sebenar dijalankan bertujuan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Menurut Mohd Najib (2003), kajian rintis ialah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan. Selain daripada menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis.

Bagi mendapatkan kebolehpercayaan instrumen kajian, kajian rintis telah dijalankan ke atas 20 orang pelajar tingkatan empat yang dipilih secara rawak di Sekolah Menengah Teknik Ampangan, Negeri Sembilan. Kajian rintis ini bertujuan untuk mengetahui sama ada responden dapat memahami atau tidak soalan-soalan yang dikemukakan dan melihat kesesuaian item-item yang digunakan bagi menentukan kebolehpercayaan.

Semua soal selidik diproses menggunakan perisian Statistical Packages For Social Science (SPSS) for Window versi 15.0. Pengujian kebolehpercayaan item adalah menggunakan Alpha Cronbach (α). Pekali kebolehpercayaan ini boleh digunakan kerana menurut Mohamad Najib (1999), nilai hampir kosong bermakna tahap kebolehpercayaan yang sangat rendah dan nilai yang hampir kepada 1 ialah tahap kebolehpercayaan yang sesuai untuk sesuatu alat. Jika nilai α berada antara 0.6 dan 0.7, nilai ini boleh diterima dan jika melebihi 0.8 adalah sangat baik. Begitu juga Majid (1993) yang turut menyatakan bahawa soal selidik yang mempunyai indeks kebolehpercayaan melebihi 0.60 dikatakan sesuai kerana indeks tersebut menunjukkan dengan jelas terdapatnya ciri-ciri konsistensi dalaman.

Setelah kajian rintis dijalankan, penyelidik telah memansuhkan dua daripada tiga puluh lapan item yang terdapat dalam set soal selidik atas nasihat penyelia. Hal ini berikutan hasil analisis yang mendapati nilai α bagi kedua-dua item ini, iaitu item 28 dan item 34 adalah terlalu

tinggi dan melebihi nilai 0.905. Di samping itu, item-item ini juga dimansuhkan bagi mendapatkan keseragaman bilangan item yang mewakili aspek minat, kemahiran bahasa Inggeris serta pengetahuan sedia ada pelajar. Keseragaman bilangan item ini adalah bertujuan untuk memudahkan proses analisis setelah penyelidikan sebenar dijalankan di sekolah. Kenyataan item yang telah dimansuhkan adalah seperti Jadual 3 di bawah :

Jadual 3 : Senarai Item Soal Selidik yang Dimansuhkan

Item	Soalan	Nilai Alpha
28	Saya seronok mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam	0.907
34	Saya suka membaca buku yang ada kaitan dengan mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam	0.907

Analisis Data

Jadual 4 di bawah menunjukkan hasil analisis purata skor min yang diperoleh bagi ketiga-tiga persoalan kajian yang dikaji oleh penyelidik. Secara ringkasnya, dapatan yang diperoleh adalah seperti berikut :

Jadual 4 : Analisis Purata Skor Min

Persoalan Kajian	Purata Min	Tahap
Minat pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam	3.38	Sederhana
Kemahiran bahasa Inggeris pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam	3.06	Sederhana
Pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam	3.44	Sederhana

Berdasarkan jadual di atas, secara keseluruhannya didapati ketiga-tiga persoalan kajian memperoleh skor min yang berada pada tahap yang sederhana. Skor-skor yang diperoleh adalah 3.38 bagi persoalan kajian satu, 3.06 bagi persoalan kajian dua dan 3.44 bagi persoalan kajian tiga. Ini menunjukkan bahawa tahap minat, kemahiran bahasa Inggeris serta pengetahuan sedia ada pelajar berada pada tahap sederhana dalam kesediaan mereka mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam.

Berdasarkan hasil analisis ujian-t, didapati hipotesis bagi persoalan kajian empat dan lima adalah diterima, di mana tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap minat dan kemahiran bahasa Inggeris antara pelajar lelaki dan perempuan dalam kesediaan mereka mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Keputusan ini berbeza dengan hasil analisis Ujian-t bagi persoalan kajian enam, di mana hipotesis bagi persoalan ini ditolak. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan sedia ada antara pelajar lelaki dan perempuan dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam.

Perbincangan

Dapatan kajian mendapati tahap minat pelajar berada pada tahap sederhana. Hal ini membuktikan bahawa pelajar berminat untuk mempelajari subjek ini dengan kerelaan sendiri tanpa pengaruh orang sekeliling mereka. Di samping itu, perkara ini turut membuktikan bahawa pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam.

Menurut Sabri Ahmad (2003 dalam Anis, 2007), dengan adanya sikap yang positif terhadap pembelajaran dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam pelajaran mereka. Tanpa sikap yang positif serta minat, seseorang pelajar tidak akan dapat memberi tumpuan atau pengamatan yang secukupnya untuk membuat penilaian serta tanggapan yang jelas terhadap sesuatu maklumat. Hal ini membuktikan bahawa sikap seseorang memainkan peranan yang penting untuk memastikan seseorang pelajar itu dapat menguasai sesuatu ilmu dan kemahiran yang dipelajari sama ada secara formal atau tidak formal.

Secara keseluruhannya, hasil analisis yang dijalankan mendapati tahap minat pelajar berada pada tahap yang sederhana. Kajian juga mendapati terdapat beberapa faktor yang mendorong minat pelajar dalam mempelajari Pengajian Kejuruteraan Awam, iaitu faktor sikap pelajar itu sendiri, ibu bapa, guru-guru serta pihak-pihak bertanggungjawab yang lain yang boleh mempengaruhi minat pelajar.

Bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua negara. Kini, bahasa Inggeris menjadi penting selaras dengan perkembangan pesat negara ke arah negara maju berlandaskan teknologi maklumat dan komunikasi. Perkembangan ini turut member kesan terhadap pelaksanaan kurikulum dalam pendidikan teknikal yang memerlukan guru dan pelajar menggunakan bahasa Inggeris dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Hasil penyelidikan yang dilaksanakan mendapati tahap kemahiran bahasa Inggeris pelajar berada pada tahap sederhana. Keputusan ini membuktikan bahawa perubahan yang berlaku terhadap kurikulum pendidikan teknikal ini boleh diterima oleh golongan pelajar tanpa menjejaskan keinginan serta minat mereka untuk mempelajari subjek ini. Hal ini mungkin disebabkan oleh kesedaran pelajar itu sendiri terhadap pentingnya penguasaan mereka terhadap penggunaan bahasa Inggeris. Hal ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Norazura (2007), di mana hasil analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa min keseluruhan bagi kepentingan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran subjek teknikal di kalangan responden adalah tinggi. Ini bermakna pelajar amat bersetuju betapa pentingnya penggunaan bahasa Inggeris dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebagai langkah awal bagi pelajar agar mereka tidak tertinggal dalam mengejar arus globalisasi.

Kesimpulannya, hasil analisis mendapati perubahan yang dilaksanakan dalam kurikulum pendidikan teknikal ini adalah suatu yang rasional dan boleh diterima oleh golongan pelajar. Perubahan kurikulum ini penting sejajar dengan pembangunan negara yang semakin pesat dan mampu bersaing dengan negara-negara maju yang lain.

Hasil analisis juga mendapati tahap pengetahuan sedia ada pelajar berada pada tahap sederhana. Purata skor min yang diperoleh bagi tahap pengetahuan sedia ada pelajar ini merupakan skor min yang paling tinggi berbanding dengan purata skor min yang diperoleh bagi tahap minat dan tahap kemahiran bahasa Inggeris pelajar. Ini membuktikan bahawa tahap pengetahuan sedia ada pelajar sangat mempengaruhi kesediaan pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam.

Hasil analisis ini boleh juga dikaitkan dengan faktor pekerjaan bapa responden yang kebanyakannya bekerja dalam sektor kerajaan dan swasta. Ini sedikit sebanyak membantu pelajar untuk memperoleh serba sedikit ilmu pengetahuan tentang bidang-bidang tertentu terutamanya

bidang kejuruteraan. Selain daripada itu, kawasan tempat tinggal pelajar turut menjadi faktor penyumbang kepada tahap pengetahuan sedia ada pelajar. Pelajar yang tinggal di kawasan bandar adalah lebih terdedah kepada bidang ini jika dibandingkan dengan mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Kebolehsampaian maklumat untuk pelajar yang tinggal di bandar adalah lebih mudah dan ini membolehkan mereka memperoleh banyak ilmu dan gambaran tentang bidang kejuruteraan dengan lebih jelas.

Kesimpulannya, didapati tahap pengetahuan sedia ada pelajar sememangnya mempengaruhi tahap kesediaan pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Pelajar yang terdedah kepada persekitaran yang berkaitan bidang Kejuruteraan Awam sememangnya mempunyai kelebihan dalam mempengaruhi penguasaan mereka terhadap subjek ini.

Rujukan

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusoff Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Crow and Crow (1983). (Terjemahan) *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewey, J. (1946). *Democracy and Education*. New York: Macmillan.
- Dewey, J. (1993). *How To Think*. Heath. Boston: AD Professional.
- Ee Ah Meng (1993). *Pedagogi II: Amalan Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1996). *Pendidikan di Malaysia 1: Falsafah Pendidikan Guru dan Sekolah*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti.
- Jamiah bt Mohd Salleh (1999). *Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar Terhadap Komponen Kekeluargaan Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Bukit Gambir Muar*. Kajian Ilmiah Tidak Diterbitkan, UTM.
- Kamus Dewan Edisi Baru (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee Shok Mee (1995). *Asas Pendidikan 2. Murid Dan Proses Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang (2002). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI. Edisi Kedua*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Nadhira Sofia binti Mohd Yahya (2007). *Persepsi Pelajar Tingkatan Empat Terhadap Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan di Sekolah Menengah Teknik dalam Bahasa Inggeris*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Omardin Ashaari (1999). *Pengajaran Kreatif untuk Pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1991). *Pembelajaran Secara Konstruktivisme*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Roshidah bt Mat Rashid (2001). *Aplikasi komponen Ekonomi Rumah Tangga dan Kemahiran Manipulatif Tambahan dalam Kehidupan Seharian di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Kajian Ilmiah Tidak Diterbitkan.
- Sabri Ahmad (2003). *Kemahiran Belajar Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Salina Ibrahim (2002). *Persekitaran dan Motivasi – Bantu penguasaan Bahasa Inggeris*. Fokus.

- Widad Othman dan Syed Hadzir Jamalulail (1996). Kemampuan Pelajar dalam Mengaplikasi Kemahiran Hidup dalam Kehidupannya. *Jurnal Pendidikan UTM, Johor*, 2 (1), 45.
- Yusri bin Kamin (2000). Perkembangan Profesionalisme Graduan Kemahiran Hidup Lulusan UTM di Sekolah Negeri Johor. *Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Master Tidak Diterbitkan*.
- Yusri bin Sari (2007). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Stres di Kalangan Guru Teknikal di Sekolah Menengah Teknik di Daerah Johor Bahru. *Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda*.
- Zulhisam Bin Zakaria (2007). Aplikasi Kemahiran Subjek Kemahiran Hidup di Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan Empat di Dua Buah Sekolah Menengah Dalam Daerah Raub, Pahang : Satu Tinjauan. *Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda*.